



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 2 DISEMBER 2020**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	LEBIH 10,000 HEKTAR TANAH TERBIAR DI JOHOR, NASIONAL, BERITA HARIAN -22	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOF)
2.	KARTEL SELUDUP DAGING SEJUK BEKU TIDAK HALAL, SINDIKET PENYELUDUPAN DAGING SEJUK BEKU, SINAR HARIAN -8	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
3.	PEKERJA GUDANG DAKWA TIDAK TAHU KEGIATAN PEMILIK PREMIS, SINDIKET PENYELUDUPAN DAGING SEJUK BEKU, SINAR HARIAN -9	
4.	PERMINTAAN TINGGI RUSA <i>TIMORENSIS</i> , NEGARA, KOSMO -18	LAIN-LAIN
5.	MAKMAL ANALISIS PERTANIAN PERTAMA, NEGERI PAHANG, SINAR HARIAN -23	
6.	RETIREE FINDS HAPPINESS IN PLANTS, NATION, THE STAR -11	
7.	KAEDAH TANAMAN HIDROPONIK MUDAH, SELAMAT, MINDA PEMBACA, BH -13	

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/12/2020	BERITA HARIAN	NASIONAL	22

Lebih 10,000 hektar tanah terbiar di Johor

Iskandar Puteri: Sebanyak 10,097 hektar tanah di Johor dikategorikan sebagai tanah terbiar disebabkan pemiliknya gagal di kesan atau berada dalam zon bencana alam.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar Johor, Datuk Samsolbari Jamali, berkata mengikut rekod Jabatan Pertanian Johor, ia membabitkan 4,561 lot tanah di seluruh negeri.

Katanya, setiap lot tanah terbiar itu berkeluasan antara 0.4 hingga 1.21 hektar.

"Tanah terbiar direkodkan di Johor tahun lalu

mempunyai pelbagai masalah seperti tanah bermilik dengan kebanyakan tuan tanah sukar di kesan atau dihubungi secara terus oleh Jabatan Pertanian.

"Selain itu, tanah terhad kepada sesuatu jenis tanaman disebabkan faktor siri tanah dan kedudukan rendah sering menghadapi masalah banjir," katanya.

Beliau berkata demikian menjawab soalan Sulaiman Mohd Nor (PH-Kemelah), Yeo Tung Siong (PH-Pekan Nanas) dan S Gopalakrishnan (PH-Tiram) pada persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Johor di sini, semalam.

Sementara itu, Samsolbari yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Semarang berkata, dalam usaha memanfaatkan tanah yang terbiar untuk tujuan pertanian, Jabatan Pertanian menggalakkan usahawan tani dan pemilik mengusahakan tanah menerusi Projek Pembangunan Pertanian Tanah Terbiar.

Katanya, pelbagai inisiatif dilaksanakan kerajaan bagi membangunkan tanah terbiar dengan kegiatan pertanian yang memberikan keuntungan kepada pengusaha dan pemilik tanah.

2/12/2020

SINAR
HARIANSINDIKET
PENYELUDUPAN
DAGING SEJUK
BEKU

8

Kartel seludup daging sejuk beku tidak halal



Pegawal operasi menjalankan pemeriksaan ke atas daging sejuk beku dari Brazil, China dan Ukraine yang dipercayai dibungkus semula di sebuah gudang di Senai, Johor Bahru.

Daging sejuk beku diseludup dari Brazil, Ukraine dibungkus semula dengan cap halal dipercayai palsu

JOHOR BAHRU

Taktik jahat kartel yang menyeludup daging sejuk beku dari China, Ukraine, Brazil dan Argentina sebelum membungkus semula daging tersebut dengan logo halal dan menjualnya ke pasaran seluruh Malaysia terbongkar dalam serbuan bersepadu pihak berkuasa di sebuah gudang di Senai di sini semalam.

Hasil risikan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) mendapati kartel berkenaan dipercayai menyamar sebagai syarikat pembekal daging sejuk beku dengan menjadikan gudang berkenaan sebagai lokasi untuk membuat label dan cap palsu. Daging sejuk beku itu akan

ditampal pada kotak daging yang telah dibungkus semula itu.

Tindakan itu dibuat bagi ruyakinkan pemborong di Malaysia kononnya bekalan daging sejuk beku itu diperolehi dari negara yang dibenarkan pengimportannya sebelum dipercayai diedar ke pasaran tempatan.

Operasi diketuai oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) itu mendapati kartel terbabit mengupah pekerja warga asing bagi melaksanakan kerja pembungkusan semula dengan mereka diberi kemudahan asrama penginapan.

Ketua Pengarah Maqis, Saiful Yazan Alwi berkata, dalam serbuan itu sebanyak 1,500 tan daging sejuk bernilai RM30 juta telah disita.

"Buat masa ini kita masih meniasat lagi bagaimana daging sejuk beku yang kebanyakannya diseludup dari China, Ukraine, Brazil dan Argentina boleh terlepas masuk," katanya kepada *Sinar Harian* semalam.

Operasi berkenaan turut disertai Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Johor serta Jabatan Agama Islam Negeri Johor (JAINJ).

Saiful Yazan berkata, modus operandi sindiket terbabit adalah dengan mendapatkan stok daging sejuk beku dari luar negara sebelum dikatakan diseludup melalui Pelabuhan Pasir Gudang dan Pelabuhan Tanjung Pelepas.

"Bagi memastikan kegiatan penyeludupan terbabit berjaya, mereka (sindiket) dipercayai akan menggunakan dokumen palsu termasuklah borang Kastam, permit import, sijil halal atau pun resit bayaran.

"Bagi mengaburi mata pihak berkuasa pula, sindiket turut mengimport daging daripada sumber yang sah sebelum dibawa ke gudang terbabit di Senai," katanya.



Antara pelekat dan cap dipercayai palsu yang ditemui di dalam gudang.

Saiful Yazan berkata, selepas itu, daging-daging terbabit akan diletakkan di satu bahagian khas untuk disimpan.

Katanya, pemeriksaan lanjut juga mendapati daging yang dicurigai itu kemudian akan dibuat pembungkusan semula di dalam sebuah bilik yang dilengkapi mesin pemotong.

Difahamkan kerja-kerja pembungkusan itu dilakukan beberapa pekerja warga Bangladesh.

"Daging atau organ dalaman tersebut akan dimasukkan di dalam kotak sebelum ditampal dengan pelekat serta dicap dan dilabel seakan-akan daging terbabit adalah halal.

"Siasatan kita mendapati cap logo berkenaan ditempah dari sebuah premis percetakan di Ulu Tiram dekat sini," katanya.



SAIFUL YAZAN

Tambahnya, daging 'halal' yang siap dibungkus semula kemudian akan diletakkan di peti simpanan bersuhu -18 darjah Celsius. Malah ia juga dicampur dengan susunan daging lain yang memiliki sijil halal yang sah.

Katanya lagi, siasatan awal pihaknya mengesyaki ia adalah daripada sumber yang diperolehi dari loji penyembelihan tidak sah dan

tidak diiktiraf oleh pihak Jakim dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia.

"Di gudang ini dipercayai ada daging yang sah dan tidak sah. Kita percaya, kalau daging itu halal, tidak akan ada proses pembungkusan semula," katanya.

Mengulas mengenai kaitan gudang serta pusat pemborong berkenaan jelasnya, pusat pemborong tersebut disyaki mendapatkan bekalan daripada gudang terbabit berikutan penemuan bukti resit jualan yang ditemui.

"Selain itu, beberapa barang lain turut ditemui antaranya cap halal serta pelekat palsu yang digunakan sindiket berkenaan," ujarnya.

Jelas Saiful, siasatan masih dijalankan bagi mengenal pasti sejak bila kegiatan terbabit mula beroperasi.

Tegasnya, Maqis memandangkan serius perkara ini dan tindakan undang-undang berkaitan serta akan bekerjasama dengan KPDNHEP untuk tindakan selanjutnya.

Sinar Harian 23 November lalu mula mendedahkan mengenai syarikat ejen fret (*freight forwarder*) yang menguruskan proses pengimportan daging sejuk beku halal mengambil jalan mudah mengimport daging sejuk beku dari negara yang tidak menerima kelulusan sah Jakim.



Pegawal penguat kuasa memeriksa daging sejuk beku yang dipercayai diseludup dari luar negara.



Laporan *Sinar Harian* pada 23 November lalu.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/12/2020	SINAR HARIAN	SINDIKET PENYELUDUPAN DAGING SEJUK BEKU	9

Pekerja gudang dakwa tidak tahu kegiatan pemilik premis

Pegawai Maqis menunjukkan cap palsu yang digunakan di gudang terbabit untuk proses pembungkusan semula daging sejuk beku.



Pengarah Bahagian Dasar dan Perancangan Maqis, Siti Nur Ahmad (tiga dari kiri) bersama pihak berkuasa yang turut serta dalam operasi bersepadu di Senai, Johor Bahru semalam.

JOHOR BAHRU - Pekerja di sebuah gudang pembekal daging sejuk beku di Senai, di sini mengakui tidak mengetahui premis terbabit disyaki menjalankan kegiatan menyeludup masuk daging secara tidak sah.

Hanya mahu dikenali sebagai Amirul, 27, dia mengaku, sudah bekerja di gudang terbabit sejak dua tahun lalu sebagai pemandu lori.

Menurutnya, dia yang tinggal di Kempas hanya ditugaskan untuk menghantar daging sejuk beku di kedai pelanggan termasuk pemborong dan pasar raya di sekitar Johor Bahru.

"Saya diambil bekerja dua tahun lalu. Sebelum masuk memang saya sudah tanya sama ada premis ini jual daging babi, namun individu yang menguruskan kemasukan saya ketika itu mengatakan semuanya sah.

"Sebab itu saya yakin untuk bekerja di sini dengan bayaran gaji lebih RM2,000," katanya ketika ditanya *Sinar Harian*

selepas ditahan semasa serbuan pihak berkuasa di gudang terbabit.

Amirul berkata, dia adalah antara tujuh pemandu lori yang ada di gudang berkenaan.

Malah, tambahnya, gudang terbabit juga mengedar daging sejuk beku di seluruh negara.

"Sepanjang saya kerja di sini, saya tidak tahu ada buat cap dan pelekat palsu. Tugas saya hanya datang untuk ambil barang dan menghantarnya. "Lepas diserbu baru saya

tahu. Jujur saya cakap, memang saya kerja untuk cari rezeki halal apatah lagi saya akan berkahwin bulan ini," katanya.

Sementara itu, seorang lagi pemandu lori dikenali sebagai Ale, 52, juga mengakui dirinya tidak mengetahui kegiatan

penyeludupan terbabit dijalankan di premis tempat dia bekerja.

"Tugas saya hanya hantar daging sejuk beku seperti daging lembu, kambing dan ayam. Berkenaan urusan dokumen itu, ia adalah urusan pejabat, kami pekerja biasa tidak kacau," katanya.



Tiga pekerja di gudang daging sejuk beku yang ditahan untuk siasatan lanjut.

KPDNHEP siasat status daging halal



ISKANDAR HALIM

JOHOR BAHRU - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) akan menjalankan siasatan lanjut berkaitan perihal dagangan logo halal yang dipercayai digunakan sindiket penyeludupan masuk daging sejuk beku ke dalam negara.

Pengarah Penguat Kuasa KPDNHEP Putrajaya, Datuk Iskandar Halim Sulaiman berkata, pihaknya akan mengambil tindakan undang-undang yang dikuatkuasakan oleh KPDNHEP.

"Sekiranya kes berkenaan ada kaitan dengan siasatan KPDNHEP iaitu berkaitan perihal dagangan halal, kita akan siasat.

"Kita juga tidak tolak kemungkinan untuk menjalankan operasi di beberapa kawasan seperti di Lembah Klang berpandukan maklumat serta risikan," katanya.

Tegasnya, selain itu, orang awam yang mempunyai maklumat berkenaan kegiatan terbabit diminta menyalurkan kepada pihaknya untuk tindakan lanjut.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/12/2020	KOSMO	NEGARA	18

Permintaan tinggi rusa *Timorensis*

KUALA KRAI – Hobi memelihara rusa memberi pendapatan lumayan kepada seorang pesara apabila ternakan yang diusahakan di halaman rumahnya sejak lapan tahun lalu mendapat permintaan tinggi sepanjang tempoh pandemik Covid-19.

Mohd. Zaid Zakaria, 58, yang tinggal di Kampung Sungai Sam di sini memilih untuk memelihara rusa baka *Timorensis* kerana ia cepat membiak sekali gus membolehkan bilangannya semakin bertambah.

Mohd. Zaid berkata, kos dan kaedah penjagaan rusa jauh lebih jimat berbanding haiwan seperti lembu dan kambing.

“Pada permulaannya, saya mengeluarkan modal sebanyak RM13,500 untuk membeli lima induk rusa dari seorang penternak di Kuantan, Pahang.

“Lama-kelamaan ternakan itu terus membiak dan kini mempunyai 13 ekor lagi termasuk enam ekor rusa betina sedang bunting,” katanya ketika ditemui *Kosmo!* di sini semalam.

Tambahnya, selain dapat menjual rusa hidup antara RM2,000 hingga RM5,000 seekor, daging haiwan itu dijual pada



MOHD. ZAID melihat rusa yang dimerak di rumahnya di Kampung Sungai Sam, Kuala Kral semalam.

harga RM65 sekilogram.

Menurut Mohd. Zaid, dia telah membina kandang yang besar serta memagar kawasan tersebut untuk keselesaan rusa yang berusia setahun setengah hingga enam tahun.

“Rusa senang dijaga kerana ia tidak mudah diserang pe-

nyakit seperti haiwan lain. Kos makanan juga tidak tinggi,” katanya.

Mohd. Zaid berharap agensi kerajaan seperti Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan dapat membantunya menambah baik tempat pembiakan dan bilangan rusa.

Makmal analisis pertanian pertama

Pahang tingkatan produktiviti hasil tanaman sawit negeri

Oleh NIK AMIRUL MU'MIN BIN
NIK MIN

KUANTAN

Kerajaan Pahang melalui Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Pahang (PKPP) mewujudkan sebuah makmal analisis pertanian bagi meningkatkan produktiviti hasil tanaman sawit di negeri ini.

Makmal yang beroperasi di Agro Resort Semuji, Gambang di sini dilengkapi peralatan saintifik dengan teknologi dari Amerika Syarikat.

Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail berkata, projek pembangunan makmal tersebut dimiliki sepenuhnya oleh LKPP Corporation Sdn Bhd dibangunkan pada pertengahan Ogos lalu memba-



Wan Rosdy (dua dari kanan) menyempurnakan gimik perasmian makmal analisis pertanian milik LKPP Corporation di Agro Resort Semuji, Gambang, Kuantan semalam.

bitkan kos RM1.2 juta dan mula beroperasi sepenuhnya pada 1 November lalu.

Menurutnya, idea pembangunan makmal analisis pertanian pertama di bawah kerajaan negeri itu selari dengan peningkatan keluasan ladang kelapa sawit kumpulan PKPP meliputi 80,000 hektar atau kira-kira 40

ladang dalam pengurusan berkaitan baja.

"Berdasarkan hasil dari keputusan makmal ini, ia dapat membantu untuk meningkatkan produktiviti hasil tanaman sawit dan disertai dengan amalan pertanian yang baik," katanya pada sidang akhbar sempena majlis perasmian makmal analisis itu di Agro Resort Semuji, Gambang di sini semalam.

Turut hadir, Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang, Datuk Seri Dr. Sallehuddin Ishak; Exco Perumahan dan Kerajaan Tempatan Pahang, Datuk Abdul Rahim Muda dan Ketua Pegawai Eksekutif LKPP, Datuk Suhaimi Mohd Yunus.

Wan Rosdy berkata, makmal yang dikendalikan seorang ahli kimia dan dibantu dua pembantu serta tiga juru analisis makmal itu berperanan dalam pengurusan syor pembeajaan secara bersepadu untuk meningkatkan produktiviti hasil tanaman terutamanya tanaman sawit.

"Pada peringkat permulaan, fokus perkhidmatan yang diberikan ialah analisis sampel daun, tanah dan baja dengan

merujuk kepada kaedah Malaysia Standard (MS) daripada Institut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM).

"Makmal ini mampu menjalankan analisis ke atas 5,000 sampel daun, tanah dan baja dalam tempoh setahun. Antara khidmat yang ditawarkan merangkumi analisis daun dan tanah untuk menentukan jenis dan kadar baja yang sesuai untuk tanaman sawit," katanya.

Selain itu, beliau berkata, hasil analisis daripada makmal itu turut digunakan untuk memantau kualiti baja.

Katanya, ia merangkumi analisis sampel baja bagi memastikan tahap kualiti yang dibekalkan kepada pihak ladang adalah mengikut piawaian dan perkhidmatan umum termasuk analisis daun dan tanah dalam menentukan tahap keperluan nutrien tanaman.

"Saya berharap, perkhidmatan ini juga dapat menyumbang kepada peningkatan hasil pendapatan industri sawit terutama di negeri Pahang," katanya.

Retiree finds happiness in plants

Growing greens and fruits brings joy to 76-year-old and his neighbours

By **RENA LIM**
rena@thestar.com.my

GEORGE TOWN: Septuagenarian Hung Bak Hoo found out that he has green fingers not too long ago.

Since then, he has been spending his time pottering in the garden and can turn any empty space into a green sanctuary.

The 76-year-old retiree, who started gardening two years ago, is proud that his humble but lively garden is filled with over 30 types of fruits and vegetables.

Around his terrace house in Tingkat Permai, Gelugor, Hung's garden is filled with plants such as aloe, banana, bittergourd, chilli, ginger, turmeric, melon, papaya, jackfruit (nangka) and long beans.

"I plant them right outside my house as I have the space and I love seeing lush, green leaves and colourful fruits fill up the empty space.

"Fruits and vegetables give instant colour to our surroundings, and the process is very fulfilling and entertaining.

"I got into gardening by accident, and I fell in love with it.



Fruit of his labour: Hung harvesting a melon grown in his garden at his home in Tingkat Permai, Gelugor.
— KT GOH/The Star

vegetables like chilli, turmeric and ginger.

"Some would come for the aloe and pandan leaves as well," Hung said.

"As such, I leave a pair of scissors and some plastic bags by the gate. It is for my neighbours and for those who come by to snip and take whatever they want to use.

"Others would come to ask for starter pots so that they can plant whatever they fancy," he added.

Hung said that while his own gardening experience involved trials and errors, his friends and neighbours would often seek his help to plant vegetables.

"They always tell me that I am good at gardening, because whatever I plant grows but if they sow seeds, theirs do not grow sometimes.

"So, I normally plant different vegetables and leave them in starter pots to share them with my neighbours and friends.

"I find joy in gardening and as long as I am around people who share a similar passion or want to exchange ideas on gardening, I am happy," he said.

me," he said.

"Many of them even took up gardening with me, while others turn up to help me tend the plot.

"I always share fruits like nangka and papaya with them, along with

is widely known among his neighbours and friends, would often share his harvest of fruits and vegetables with them.

"My neighbours here know about my garden, and all of them support

From sowing the seeds and watering the plants to tending to flowers and fruit trees, everything is a joy for me," he said when met at his house on Monday.

Hung, whose love for gardening

Kaedah tanaman hidroponik mudah, selamat

Berkebun atau bercucuk tanam di rumah mampu menghilangkan tekanan dan rasa bosan. Tidak hairanlah ramai tertarik menjadikannya hobi, lebih-lebih lagi ketika pandemik.

Antara kaedah tanaman popular hidroponik. Ia semakin digemari masyarakat kerana melaluinya, mereka mampu berkebun tanpa menggunakan tanah.

Kaedah tanaman hidroponik juga lebih mudah dan menjimatkan masa. Tanaman ini bukan sahaja mesra alam, malah menghasilkan produk pertanian segar dan selamat untuk pengguna dan kelestarian alam sekitar.

Kaedah penanaman hidroponik semudah ABC kerana hanya memerlukan air (A), baja (B) dan cahaya (C). Kaedah ini permulaan sesuai bagi mereka yang ingin berkebun kerana hanya beberapa barangan diperlukan, selain bekas tanaman juga mudah dibuat sendiri.

Botol plastik, kotak polisterin, bekas sabun, petricuci pakaian, batang paip dan tong cat boleh dikitar semula untuk aktiviti berkebun secara hidroponik sama ada di kawasan kediaman, pejabat atau landskap.

Ia juga tidak memerlukan ruang atau kawasan tanah luas. Semua kelebihan itu menjadikan kaedah penanaman ini paling sesuai bagi mereka yang tinggal di kediaman jenis pangsupuri atau rumah teres dengan keluasan tanah terhad.

Banyak jenis penanaman hidroponik seperti sistem sumbu atau *Wick System*, teknik filem nutrien (NFT), sistem pasang surut atau dikenali *Ebb & Flow*

System, sistem drip, aeroponik, fertigasi dan pelbagai lagi.

Bagi yang baru ingin mencuba, sistem paling umum dan mudah digunakan adalah sistem sumbu dan NFT. Namun paling popular adalah kaedah bertakung atau DFT iaitu akar terendam separuh dan NFT.

Sistem tanaman hidroponik NFT paling baik kerana ia menyediakan lebih banyak udara dan air kepada tanaman.

Ramai tidak tahu tanaman mampu hidup dengan subur tanpa menggunakan tanah dan sebenarnya tanah adalah media berkembang yang kurang efisien kerana tanaman akan menggunakan banyak tenaga pertumbuhan akar untuk mencari air dan nutrien.

Namun, melalui kaedah hidroponik, tanaman akan dibekalkan air dan nutrien dengan efektif. Oleh itu, hidroponik boleh mempercepatkan kadar pertumbuhan sehingga 50 peratus berbanding menggunakan tanah.

Tanaman hidroponik menawarkan banyak keuntungan seperti penggunaan penuh terhadap pembajaan dan kadar nutrien untuk tanaman.

Pengguna juga boleh mengukur tahap kuasa hidrogen (pH) dan nutrien dengan lebih tepat dan cepat. Selain itu, tanaman juga selamat daripada serangan serangga atau penyakit dari tanah dan pengurangan kos baja serta penyiraman yang ketara.

Tanaman hidroponik menyumbang kepada kelestarian alam sekitar. Ia mampu mengurangkan kos dan penggunaan air yang banyak kerana pertanian hanya menggunakan 10 peratus

dari pada jumlah penggunaan tanaman atas tanah.

Hidroponik juga menggunakan air yang sudah digunakan untuk penanaman selepas penuaian, hanya perlu tambah air sekiranya kurang dan boleh mengurangkan kos pengeluaran tanaman.

Tanaman ini menjimatkan penggunaan baja kerana tiada pembaziran dan pada masa sama, tidak mencemarkan alam sekitar.

Penggunaan baja hidroponik hanya satu perempat daripada penggunaan biasa tanah dalam kadar pengeluaran sama.

Boleh dikatakan semua tumbuhan berakar serabut, lembut dan tidak besar sesuai untuk tanaman hidroponik. Oleh

itu, bagi yang ingin mencuba kaedah ini, mereka boleh menanam pelbagai jenis sayuran, buah-buahan dan herba.

Masyarakat perlu menceburi tanaman hidroponik kerana ia bukan saja menghasilkan sayuran lebih segar dan menyihatkan, malah membantu melesarkan alam sekitar.

Tanaman ini juga sesuai dijadikan aktiviti bersama keluarga kerana disamping berkebun untuk merehatkan minda, ibu bapa dapat meluangkan masa bersama anak-anak dan mendidik mereka menjaga kelestarian alam sekitar.

Nur Aimi Afiqah Mohd Zailani
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIA)

